

NOTIS KEPADA PARA PELABUR DAN PERUNDING UNIT AMANAH

PELANCARAN 'PORTAL' BAHARU MENGGANTIKAN SISTEM PERKHIDMATAN UTCXCESS

Sukacita dimaklumkan bahawa PMB Investment Berhad akan melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf sistem portal untuk meningkatkan khidmat penyampaian maklumat kepada para pelabur dan perunding unit Amanah kami berkuatkuasa pada 1 April 2019. Sehubungan dengan itu, PMB Investment akan melancarkan satu portal yang baharu bagi menggantikan portal UTCXCESS dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh yang dinyatakan.

Pelancaran portal baharu ini dilaksanakan selari dengan penukaran sistem teras baharu bagi membolehkan kami mengendalikan transaksi dengan lebih cekap bagi menyokong transaksi berkaitan Pengurusan Dana-Dana Saham Amanah yang diuruskan oleh PMB Investment Berhad.

Selaras dengan perkembangan tersebut, pihak kami akan menghentikan sebarang kemaskini transaksi melalui portal UTCXCESS bagi membolehkan kerja-kerja penyelarasan data dilaksanakan. Adalah dimaklumkan bahawa portal UTCXCESS masih boleh dicapai seperti biasa. Walau bagaimanapun, rekod-rekod transaksi yang dipaparkan adalah berstatus setakat 31 Mac 2019 sahaja.

Segala transaksi di atas talian (online bill payment) tidak lagi mengambil tarikh pindahan wang pelaburan dibuat tetapi akan mengikut tarikh hari bekerja berikutnya.

Setelah portal yang baharu dilancarkan kelak, tuan/puan perlu mendaftar sebagai pengguna secara atas talian melalui portal berkenaan dengan membekalkan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi tujuan pengesahan profil pemohon.

Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi :

Bagi Pelabur	Bagi Perunding Unit Amanah
Unit Perkhidmatan Pelanggan PMB Investment Berhad Level 20, 1 Sentral, Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur No Tel : 03-2785 9900 E-mel: investorrelation@pelaburanmara.com.my	Unit Perkhidmatan Agensi PMB Investment Berhad Level 20, 1 Sentral, Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur No Tel : 03-2785 9915 / 03-2785 9926 Emel: utcadmin.pmbi@pelaburanmara.com.my

Terima kasih.

Tarikh: 28 Mac 2019